

Kos bina dua tangki air rumah Najib RM67,000

> Pembinaan bagi tampung keperluan keluarga bekas Perdana Menteri, orang ramai

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Farah Marshita Abdul Patah, Fatin Hafizah Mohd Shahar dan Siti Nurazlinoe Azmi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Seorang kontraktor dibayar RM67,000 bagi membina dua menara tangki air di kediaman Datuk Seri Najib Razak di Pekan, Pahang, pada 2014.

Kontraktor syarikat binaan Syadilah Enterprise, Daud Muhammad, 53, yang bertanggungjawab membina menara tangki air itu, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, semalam, bekas Perdana Menteri itu membuat bayaran berkecualan melalui cek.

"Pada 2013, saya membuat sebut harga kepada penyelia rumah Najib, iaitu Zainudin Abdul Aziz di Pekan.

"Pada 2014, Zainudin menyatakan pada saya kerja boleh dilakukan, iaitu membina menara tangki air dua buah, satu tiga tingkat, satu lagi dua tingkat," katanya.

Daud berkata demikian ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan

Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi, pada hari keenam perbicaraan kes penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd yang membabitkan pendakwaan terhadap Najib.

Daud yang juga saksi kelapan pendakwaan berkata, pembinaan kedua-dua menara mengambil masa tiga bulan kerana ketika itu musim hujan.

Daud yang juga pemilik syarikat pembinaan itu berkata, menara tangki dua tingkat dibina berhampiran dapur kediaman Najib, manakala menara tangki tiga tingkat dibina berhampiran bilik tidur beliau dan anak-anaknya.

Kerja pendawaian elektrik, baik rumah

Menjawab soalan Muhammad Saifuddin, adakah saksi itu menjalankan kerja lain di kediaman Najib, Daud berkata, beliau turut melakukan pendawaian elektrik, membaiki pendingin hawa dan atap bocor serta membaik pulih tumbol pintu dan singki dapur yang berharga RM10,300.

Saksi itu berkata, selepas semua kerja selesai, beliau mengeluarkan

SRC

invois kepada Zainudin untuk memaklumkan kos pembayaran.

"Ya, saya bagi invois, harga RM67,000 bagi dua menara tangki air, RM9,540 bagi pendawaian elektrik, membaiki pendingin hawa dingin dan atap bocor, serta RM760 bagi kerja membaik pulih tumbol pintu dan singki dapur," katanya yang menerima tiga keping cek daripada Zainudin.

Ketika pemeriksaan balas oleh peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, saksi itu berkata, kapasiti tangki dua tingkat ialah 1,500 liter manakala tangki tiga tingkat berkapasiti 3,000 liter dan jumlah air dalam kedua-dua tangki boleh menampung keperluan kira-kira 1,000 orang.

Ketika ditanya apakah keperluan membina kedua-dua menara tang-



Daud yang juga saksi kelapan hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

ki air itu Daud berkata, ia bagi menampung keperluan orang ramai dan untuk kegunaan keluarga Najib.

Mengulas apa yang berlaku kepada tangki lama Daud berkata, ia sudah usang dan sering dibaiki, termasuk pam rosak serta tangkinya pernah dimasuki musang yang kemudian ditemui mati dalam tangki itu.

Kepada soalan Muhammad Shafee sama ada pembinaan tangki itu adalah satu keperluan mendesak atau satu kemewahan, saksi itu menjawab 'keperluan mendesak.'

Selain itu, Daud berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam percakapannya sebanyak dua kali pada 2015, menghubungkan kerja pembinaan yang dijalankan di kediaman Najib.

Ditanya sama ada kediaman Najib turut berfungsi sebagai Pusat Perkhidmatan UMNO Pekan dan Pusat Operasi Khidmat Ahli Parlimen Pekan, saksi itu menjawab: "Ya"

Muhammad Shafee: Rumah itu menjadi pusat khidmat dan ada macam-macam keramaian?

Saksi: Ada program politik, agama, Aidiladha dan biasanya ketika musim perayaan, ada kenduri meraikan anak yatim.

Muhammad Shafee: Kamu pernah hadir?

Saksi: Pernah sekali ketika Aidiladha dan tahlil saya ada pergi.

Perbicaraan bersambung hari ini.